

Profil Jurulatih Azmi Shahrin

Azmi Shahrin dilahirkan di Ipoh pada tahun 1970 dan menerima pendidikan awal di St. Michael's Institution, Ipoh dan Kolej Melayu Kuala Kangsar. Beliau mendapat biasiswa daripada Shell untuk melanjutkan pelajaran ke University of Kent, United Kingdom di mana beliau memperoleh Ijazah Sarjana Muda di dalam bidang Perakaunan dan Ekonomi. Seterusnya beliau telah memperoleh Ijazah Sarjana Ekonomi daripada Universiti Malaya (2009) dan beliau kini adalah calon Ijazah Kedoktoran di universiti yang sama. Beliau merupakan ahli MENSA sejak 1989. Azmi memiliki pengalaman bekerja melebihi satu dekad dalam pengurusan komunikasi pemasaran, saluran pengedaran serta jenama barangan dengan beberapa syarikat termasuk Shell Malaysia Trading Sdn. Bhd. dan Maxis Communications Bhd. Namun begitu, pada tahun 2003 Azmi telah melepaskan jawatannya yang lumayan untuk menjadi seorang jurulatih sepenuh masa.



Titik tolak kerjaya baru ini adalah keahlian dengan Toastmasters International. Pada tahun 1998, Azmi telah menyertai Kelab Toastmasters Extol untuk mengasah kemahiran berpidato dan berkomunikasi. Beliau memegang jawatan Presiden kelab ini untuk penggal 2005-2006. Beliau juga antara penggerak utama di dalam penubuhan Kelab Pidato Perdana di mana beliau memegang jawatan Presiden untuk penggal 2004-2005 dan kini memainkan peranan sebagai Ketua Jurulatih. Untuk penggal 2007-2008, Azmi telah dilantik sebagai Gabenor Bahagian W (dalam Daerah 51 Toastmasters International) dan diberi tanggungjawab menyelia 32 kelab. Beliau juga seorang jurulatih untuk Institut Kepimpinan Toastmasters. Beliau pernah memenangi pelbagai hadiah di dalam pertandingan pidato serta anugerah-anugerah kepimpinan dan khidmat cemerlang, termasuk anugerah "Toastmaster of the Year" untuk Bahagian C untuk penggal 2004-2005. Pada tahun 2006, Azmi telah berjaya memperoleh anugerah tertinggi Toastmasters yang membawa gelaran "Distinguished Toastmaster" (DTM). Kesemua pencapaian ini telah membolehkan Azmi untuk melancarkan dan menjayakan kerjaya baru sebagai penceramah dan jurulatih pengucapan awam. Azmi juga seorang jurulatih bertauliah (Certified Trainer) yang diiktiraf oleh Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB).

Dalam masa 10 tahun yang lepas sebagai jurulatih sepenuh masa, Azmi telah mengendalikan kursus untuk sektor swasta/korporat, sektor kerajaan, institusi-institusi pengajian serta orang awam. Beliau pernah melatih lebih daripada 11,000 dewasa dan pelajar. Walaupun bidang utama beliau ialah pengucapan awam dan penyampaian berkesan, beliau juga berwibawa di dalam bidang-bidang berkaitan seperti kemahiran berkomunikasi, antara perorangan, perundingan, bahasa Inggeris dan kepimpinan. Pada masa ini, Azmi merupakan Jurulatih Utama untuk ProSkills Trainers. Beliau juga memberikan perkhidmatan kepada beberapa pembekal latihan yang lain. **Sila rujuk senarai pelanggan pada halaman berikut.**

Azmi bercita-cita untuk menjadikan pengucapan awam dan komunikasi berkesan suatu kenyataan untuk rakyat Malaysia. Beliau berasa teruja dan terdorong dengan maklum balas yang memberangsangkan daripada para pelatih dan berasa sukacita kerana berpeluang untuk berbakti kepada insan-insan yang memerlukan.

Senarai Pelanggan

Agensi Kelayakan Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia
Agreya HCD (Asia) Sdn. Bhd., Petaling Jaya, Selangor
Ambangan Heights Sdn. Bhd., Sg. Petani, Kedah
American Air Filter Manufacturing Sdn. Bhd., Shah Alam, Selangor
Amway Malaysia
Asia iKnowledge Sdn. Bhd., Petaling Jaya, Selangor
Bank Rakyat
BERNAMA
Capital Events, Johor Bahru
Celcom
CIMB Aviva Assurance Bhd., Kuala Lumpur
CIMB Bank
DK Leather Corporation Bhd., Puchong, Selangor
Domino's Pizza Malaysia
DRB-HICOM
Dynamic Speakers Training Centre, Petaling Jaya, Selangor
Eastern Pacific Industrial Corporation Bhd., Kemaman, Terengganu
e-Cop.net Surveillance Sdn. Bhd., Kuala Lumpur
Edaran Bhd., Kuala Lumpur
Elite Essential Sdn. Bhd., Puchong, Selangor
Elken Sdn. Bhd., Kuala Lumpur
GD Express Sdn. Bhd., Petaling Jaya, Selangor
Genius Aulad, Kota Damansara, Selangor
Genting Sanyen Power Sdn. Bhd., Banting, Selangor
Global Language & Tuition Centre, Melaka
Honda, Melaka
Hospital Selayang, Selangor
Hotel Melia, Kuala Lumpur
IBIL (M) Sdn. Bhd., Kuala Lumpur
Ingress Engineering Sdn. Bhd., Nilai, Negeri Sembilan
Institut Aminuddin Baki, Genting Highlands, Pahang
Institut Pengurusan Kesihatan, Kementerian Kesihatan Malaysia
Institut Penilaian Negara, Kementerian Kewangan Malaysia
Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia
Institut Penyelidikan Sistem Kesihatan, Kementerian Kesihatan Malaysia
Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN)
Integrated Logistics Bhd., Shah Alam, Selangor
Inter-City MPC (M) Sdn. Bhd., Shah Alam, Selangor
IOI Mall, Kulai, Johor
Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, Kementerian Sumber Manusia Malaysia
Jabatan Perangkaan Malaysia
Jalur Cahaya Sdn. Bhd., Shah Alam, Selangor
JEKS Engineering Sdn. Bhd., Kuala Lumpur
Johnson Controls (M) Sdn. Bhd., Petaling Jaya, Malaysia
Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu Kerian-Sg. Manik, Kementerian Pertanian & Industri Asas Tani Malaysia
Kelab Belia Angsana, Subang Jaya, Selangor
Kelab Telekom Ibu Pejabat
Kementerian Kerja Raya Malaysia
Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Kementerian Kewangan Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia
Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia

Kementerian Pertahanan Malaysia
KL Airport Service Sdn. Bhd., Sepang, Selangor
KL StarRail Sdn. Bhd. (KL Monorail)
Kolej Islam Sultan Alam Shah, Klang, Selangor
Kolej Melayu Kuala Kangsar, Perak
Kolej Tunku Kurshiah, Seremban, Negeri Sembilan
Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDN)
Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA)
Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Kementerian Pertanian &
Industri Asas Tani Malaysia
Majlis Sukan Negara Malaysia
Maybank
Maybank Islamic
Menara Kuala Lumpur Sdn. Bhd.
Mitsui O. S. K. Lines (M) Sdn. Bhd., Subang Jaya, Selangor
M2 Asia Sdn. Bhd., Kuala Lumpur
Naza Kia Malaysia Sdn. Bhd., Kuala Lumpur
NXP Semiconductors (M) Sdn. Bhd., Seremban, Negeri Sembilan
Panasonic Malaysia
Perbadanan Harta Intelek Malaysia
Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE)
Permodalan Nasional Bhd. (PNB)
Petronas Chemicals Methanol Sdn. Bhd., Labuan, Federal Territories
Philips Malaysia
Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar, Johor Bahru
Politeknik Merlimau, Melaka
Projek Lintasan Kota Holdings Sdn. Bhd., Kuala Lumpur
Pusat Malaysia Rumah Kedua Ku, Kementerian Pelancongan Malaysia
Pusat Pembelajaran Presint 8, Putrajaya
Pusat Pembelajaran Presint 16, Putrajaya
Pusat Tuisyen Kurnia, Petaling Jaya, Selangor
Pusat Tuisyen Restu Jaya, Subang Jaya, Selangor
RapidKL, Syarikat Prasarana Negara Bhd.
RBC Investor Services Malaysia Sdn. Bhd., Cyberjaya, Selangor
Rukun Tetangga Kawasan SS 23, Petaling Jaya, Selangor
Sapura Thales Electronics Sdn. Bhd., Kuala Lumpur
Sekolah Darul Hikmah, Kuala Lumpur
Sekolah Dato' Abdul Razak (SDAR), Seremban, Negeri Sembilan
Sepakat Setia Perunding Sdn. Bhd., Seri Kembangan, Selangor
Setiausaha Institut Kesihatan Kebangsaan, Kementerian Kesihatan Malaysia
Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang
Shelter Home for Children, Petaling Jaya, Selangor
Significant Technologies Sdn. Bhd., Seri Kembangan, Selangor
Sime Darby Austral Sdn. Bhd., Bintulu, Sarawak
Sime Darby Plantation Sdn. Bhd., Carey Island, Selangor
SIRIM
Small Medium Enterprise Development Bank Malaysia Bhd. (SME Bank)
SMK Gunung Rapat, Ipoh, Perak
SMK Jalan Empat, Bangi, Selangor
SMK King George V, Seremban, Negeri Sembilan
SMK (P) Sri Aman, Petaling Jaya, Selangor
SMK Sri Bintang Utara, Kuala Lumpur
SM Sains Hulu Selangor
SM Sains Seremban, Negeri Sembilan

SM Sains Tuanku Jaafar, Kuala Pilah, Negeri Sembilan
Stars & Planet Edufun Club, Petaling Jaya, Selangor
Suria Business Solutions Sdn. Bhd., Petaling Jaya, Selangor
Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPRM)
Suruhanjaya Sekuriti Malaysia
Syarikat Bekalan Air Selangor (SYABAS)
Talisman Malaysia Ltd., Kuala Lumpur
TATi University College, Kemaman, Terengganu
Tepat Teknik Sdn. Bhd., Shah Alam, Selangor
TIME dotCom Bhd., Shah Alam, Selangor
Tenaga Nasional Bhd. (TNB), Melaka
Toko Electronic (Sarawak) Sdn. Bhd., Kuching, Sarawak
Tourism Malaysia
Transocean Malaysia, Kuala Lumpur
Triple A Training, Petaling Jaya, Selangor
UDA Holdings Bhd.
UEM Group Bhd.
U Mobile Sdn. Bhd., Kuala Lumpur
UMW Oil & Gas Corporation Bhd., Kuala Lumpur
Unit Tajaan Pelajaran Petronas
Universiti Malaya, Kuala Lumpur
Universiti Perubatan Antarabangsa, Kuala Lumpur
Universiti Putra Malaysia, Serdang, Selangor
Universiti Teknologi Malaysia (International Business School), Kuala Lumpur
Universiti Teknologi MARA, Segamat, Johor
University College Sedaya International, Kuala Lumpur
Zenith Bizness Excellence Sdn. Bhd., Kuala Lumpur
Kursus Latihan 1Malaysia

Kemaskini Terakhir: 31 Julai 2013